



Panduan Penzahiran Kemampuan Batik (SBDG)

Garis Panduan Sektor SEDG
bagi Industri Batik Malaysia

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	2
KATA-KATA ALUAN	3
GAMBARAN KESELURUHAN	4
ARAHAN	5
PENZAHIRAN	8
TONGGAK: ALAM SEKITAR	
Topik: Emisi	14
Topik: Tenaga	17
Topik: Air	20
Topik: Sisa Buangan	23
Topik: Bahan-bahan	26
TONGGAK: SOSIAL	
Topik: Amalan Buruh	30
Topik: Kesihatan dan Keselamatan	33
Topik: Masyarakat	35
TONGGAK: TADBIR URUS	
Topik: Tadbir Urus dan Pematuhan	40
Topik: Pencegahan Rasuah	43
LAMPIRAN 1 : RUJUKAN BERKAITAN	46
LAMPIRAN 2 : ASAS KESIMPULAN	57
LAMPIRAN 3 : GLOSARI	58

PENGHARGAAN

Panduan Penzahiran Kemampanan Batik (SBDG) ini dibangunkan oleh Capital Markets Malaysia (CMM), sebuah badan bersekutu dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). Ia selaras dengan Panduan Penzahiran ESG Ringkas untuk PKS dalam Rantaian Bekalan (SEDG) yang diterbitkan oleh CMM pada Oktober 2023.

CMM ingin merakamkan penghargaan kepada perunding kami Thoughts in Gear. Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada para responden yang mengambil bahagian dalam Perundingan Awam SEDG serta maklum balas dari pihak berkepentingan dalam industri Batik Malaysia yang mengambil bahagian dalam sesi kumpulan fokus.

Sebarang pertanyaan dan penjelasan boleh diajukan kepada **general@capitalmarketsmalaysia.com**

Penafian

Panduan Penzahiran Kemampanan Batik (SBDG) diterbitkan untuk membantu dan sebagai panduan kepada syarikat yang beroperasi dalam industri Batik Malaysia apabila menyediakan penzahiran data mengenai Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus kepada pihak berkepentingan mereka, sejajar dengan piawaian antarabangsa. Walaupun SBDG bertujuan untuk memberi panduan mengenai penzahiran ESG dan langkah-langkah telah diambil untuk menyusun maklumat yang relevan dan berkaitan dalam SBDG, liputan SBDG ini tidak menyeluruh. Pengguna SBDG hendaklah menggunakan kebijaksanaan dan pertimbangan wajar apabila menggunakan SBDG sebagai panduan dan menyesuaikannya agar sejajar dengan operasi dan aktiviti perniagaan serta profil risiko ESG masing-masing.

CMM tidak membuat sebarang pernyataan atau jaminan, sama ada secara tersirat atau tersurat mengenai ketepatan, kecukupan, kesempurnaan atau kebolehpercayaan sebarang maklumat yang dinyatakan dalam SBDG. Syarikat hendaklah melakukan penilaian sendiri mengenai kebolegunaan dan kesesuaian SBDG dengan tujuan mereka. Dalam apa jua keadaan CMM tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang keputusan yang dibuat berdasarkan kepada maklumat yang dinyatakan dalam SBDG atau sebarang tuntutan lain yang timbul daripada atau berkaitan dengan SBDG. Dalam apa jua keadaan CMM tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang ganti rugi termasuk tetapi tidak terhad kepada ganti rugi langsung, tidak langsung, khas, berbangkit, sampingan atau punitif atau sebarang kerugian atau kehilangan peluang.

Hak cipta terpelihara. © Hak cipta dan diterbitkan oleh Capital Markets Malaysia, November 2025.

KATA-KATA ALUAN

Industri batik Malaysia yang berkembang pesat bukan sekadar lambang identiti negara kita - ia merupakan khazanah negara yang menggabungkan kesenian, budaya dan keusahawanan. Seiring dengan perkembangannya, kemajuan industri ini harus bergerak selari dengan tuntutan terhadap kemampanan, keterangkuman dan amalan perniagaan yang bertanggungjawab.

Panduan Penzahiran Kemampanan Batik (SBDG) merupakan sebuah panduan khusus untuk usahawan artisan, pengeluar dan perniagaan merentasi rantai nilai batik. Ia diadaptasi daripada Panduan Penzahiran Ringkas ESG (SEDG) yang direka bentuk untuk menyokong perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam melaksanakan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). SBDG mengiktiraf ciri-ciri unik sektor batik - daripada teknik pencelupan tradisional dan penyumberan tekstil kepada pengeluaran berasaskan komuniti - dan menyediakan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengintegrasikan amalan ESG ke dalam operasi harian.

Mengguna pakai amalan berkemampanan akan memperkukuh integriti alam sekitar dan sosial industri batik Malaysia serta meningkatkan daya saing di peringkat global. Apabila pengguna, pelabur dan rumah fesyen semakin mengambil berat dan mengutamakan perihal kemampanan, perusahaan batik yang melaksanakan penyumberan yang bertanggungjawab, pengeluaran yang beretika dan mengekalkan keaslian budaya akan mendapat pengiktirafan dan akses yang lebih besar kepada pasaran premium.

Peralihan ke arah kemampanan ini berpotensi melonjakkan pencapaian artisan dan masyarakat melalui mata pencarian yang lebih adil, pembangunan kemahiran dan daya tahan perniagaan jangka panjang – seterusnya meletakkan batik Malaysia sebagai simbol kecemerlangan budaya dan inovasi yang mampan.

Kami berharap SBDG berupaya memperkasakan usahawan batik untuk menerima pakai amalan berkemampanan yang meningkatkan kecekapan, memelihara alam sekitar dan mengukuhkan impak sosial mereka. Ini akan memastikan mereka beroleh akses dalam pasaran dan peluang pelaburan yang berterusan. Penerapan nilai-nilai ESG dalam sektor ini bukan sahaja menyumbang kepada matlamat kemampanan negara tetapi juga mengangkat batik Malaysia sebagai produk kebudayaan yang bertanggungjawab di peringkat global dan bernilai tinggi.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia kekal komited untuk memupuk ekosistem pasaran yang lebih mampan dan inklusif. Dengan menyokong PKS dalam pelaksanaan ESG mereka, kami dapat memastikan bahawa setiap perusahaan - tanpa mengira saiz atau tradisinya - menyumbang ke arah ekonomi yang berdaya tahan dan berpandangan ke hadapan.

Semoga panduan ini berfungsi sebagai pemangkin yang membolehkan industri batik menerapkan amalan kemampanan, baik sebagai tanggungjawab mahupun sebagai sumber nilai yang berkekalan.



Dato' Mohammad Faiz Azmi

Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Apa itu Panduan Penzahiran Kemampanan Batik (SBDG)?

SBDG merupakan satu panduan sukarela untuk membantu syarikat-syarikat dalam industri Batik Malaysia menentukan apakah bentuk penzahiran dalam aspek Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang perlu dipantau dan dilaporkan. Panduan ringkas ini mungkin menjadi langkah pertama syarikat ke arah penghasilan batik yang mampan dalam memenuhi keperluan masyarakat tempatan dan global yang sentiasa berubah.

Apa objektif Panduan Penzahiran Kemampanan Batik (SBDG)?



la membekali industri Batik Malaysia (sebagai penyedia data) satu set penzahiran ESG yang terbimbing, ringkas dan berperingkat untuk dipantau dan dilaporkan.



la membekali industri Batik Malaysia secara progresif panduan penzahiran yang lebih mencabar untuk membimbing perniagaan ke arah amalan pengeluaran batik yang mampan dan beretika.



la membekali kaedah pembezaan sambil meluaskan pasaran berdaya maju mereka kepada pembeli dan pelabur yang peka di peringkat tempatan, rantau dan global.

Apakah yang diliputi dalam SBDG?

- la meliputi petunjuk yang boleh dipantau dan dizahirkan untuk mengukur kemajuan ESG.
- la meliputi panduan berperingkat yang membantu pengkategorian berdasarkan keupayaan.
- It tidak meliputi penerimgunaan kemampanan, penilaian dan mitigasi risiko dan pengenalpastian peluang perniagaan.

Rujukan apakah yang disertakan?

Standard dan rangka kerja yang dirujuk termasuk IFRS S1 dan S2, GRI, FTSE4Good, Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia, Malaysian Standard MS 692-1:2025 Batik - Bahagian 1: Batik Malaysia - Spesifikasi, Standard Kraftangan Malaysia 1:2022-Penilaian bagi Pengelasan Industri Kraf Tangan Malaysia dan Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Industri Hijau bagi Industri Batik, Jabatan Alam Sekitar.

Siapakah pengguna sasaran?

Pengguna sasaran Panduan ini Adalah syarikat dalam industri Batik Malaysia yang dikehendaki mengenal pasti, memantau dan melaporkan data ESG. la termasuk usahawan artisan dan pemilik perusahaan kecil hinggalah perusahaan Batik Malaysia yang besar – lazimnya kerana mereka ingin melakukan penzahiran, dikehendaki melakukan penzahiran atau melaksanakan penzahiran untuk mendapatkan insentif.

Bagaimana pula dengan daya kemampanan yang lain?

Terdapat 10 Topik merentasi tonggak Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus dengan 10 penzahiran Asas dan keseluruhannya 34 item penzahiran yang dibahagikan kepada peringkat Asas, Pertengahan dan Lanjutan bagi memenuhi tahap kematangan kemampanan yang berbeza-beza mengikut syarikat. Tiada garis masa mandatori untuk pelaksanaan penzahiran.

1

Semak peta lengkap **Penzahiran** dan senaraikan topik anda mengikut keutamaan

2

Penzahiran Asas adalah titik permulaan anda. Setelah berjaya menyelesaikan Penzahiran Asas, anda boleh beralih ke penzahiran **peringkat Pertengahan** dan seterusnya ke penzahiran **peringkat Lanjutan**.

3


Gunakan **soalan-soalan Semakan Kendiri** untuk membantu anda mengenal pasti titik data untuk melaporkan penzahiran.

4

Rujuk **Panduan Tambahan** untuk memahami apa yang anda perlu laporkan.

Bagi syarikat yang ingin melaporkan penzahiran lebih dari yang dinyatakan dalam Panduan Penzahiran Kemampanan Batik (SBDG) ini, anda boleh mempertimbangkan untuk melaksanakan pelaporan menurut Panduan Penzahiran ESG Ringkas (SEDG) untuk PKS dalam Rantaian Bekalan.

TONGGAK DAN TOPIK





PENZAHIRAN

PENZAHIRAN ALAM SEKITAR

TOPIK	ASAS	PERTENGAHAN	LANJUTAN
EMISI	☐ SB-E1.1a : Menyenaraikan dari mana datangnya emisi Skop 1 GHG termasuk: • Peralatan yang menggunakan bahan api (cth tungku dapur, penjana, dll.) • Kenderaan syarikat (cth lori, van, kereta, motorsikal, dll.)	☐ SB-E1.1b : Melaporkan jumlah keseluruhan emisi Skop 1 GHG	☐ SB-E1.1c : Melaporkan pengurangan emisi Skop 1 GHG
	☐ SB-E1.2a : Menyenaraikan dari mana datangnya emisi Skop 2 GHG (cth. Elektrik yang dibeli, dll.)	☐ SB-E1.2b : Melaporkan jumlah keseluruhan emisi Skop 2 GHG	☐ SB-E1.2c : Melaporkan pengurangan emisi Skop 2 GHG
TENAGA	☐ SB-E2.1a : Menyenaraikan bagaimana tenaga diperoleh, termasuk: • Elektrik yang dibeli • Tenaga solar • Jenis-jenis bahan api (cth. kayu api, arang, petrol, disel, kerosin, gas, dll.)	☐ SB-E2.1b : Melaporkan jumlah yang digunakan, termasuk: • Elektrik yang dibeli • Tenaga solar • Bahan api mengikut jenis	☐ SB-E2.1c : Melaporkan pengurangan dalam jumlah yang digunakan, termasuk: • Elektrik yang dibeli • Tenaga solar • Bahan api mengikut jenis
AIR	☐ SB-E3.1a : Menyenaraikan dari mana air diperoleh, termasuk: • Air yang dibeli • Sungai dan anak sungai • Perigi	☐ SB-E3.1b : Melaporkan jumlah air yang digunakan, termasuk dari: • Air yang dibeli • Sungai dan anak sungai • Perigi	☐ SB-E3.1c : Melaporkan pengurangan jumlah air yang digunakan, termasuk dari: • Air yang dibeli • Sungai dan anak sungai
		☐ SB-E3.2a : Menyenaraikan bagaimana air sisa dirawat sebelum dilepaskan, termasuk: • Tiada rawatan air sisa • Penapis • Bahan kimia • Sistem rawatan air sisa	

PENZAHIRAN ALAM SEKITAR

TOPIK	ASAS	PERTENGAHAN	LANJUTAN
SISA BUANGAN		☐ SB-E4.1a : Menyenaraikan jenis-jenis sisa buangan yang dihasilkan, termasuk: • Sisa buangan berbahaya / berjadual (cth. lilin pepejal dengan pewarna, bahan kimia, dll.) • Sisa buangan tidak berbahaya / tidak berjadual (cth. sisa kain, bungkusan, lilin pepejal tanpa warna, dll.)	☐ SB-E4.1b : Melaporkan jumlah sisa buangan yang dihasilkan, termasuk: • Sisa buangan berbahaya /berjadual • Sisa buangan tidak berbahaya/ tidak berjadual
		☐ SB-E4.2a : Menyenaraikan bagaimana sisa buangan dipulihkan, termasuk: • Guna semula • Kitar semula • Guna semula untuk tujuan lain	☐ SB-E4.2b : Melaporkan jumlah sisa buangan yang dipulihkan
BAHAN-BAHAN	☐ SB-E5.1a : Menyenaraikan bahan-bahan yang digunakan, termasuk: • Bahan-bahan untuk menghasilkan produk • Bahan-bahan untuk pembungkusan produk	☐ SB-E5.1b : Melaporkan jumlah bahan-bahan yang digunakan, termasuk: • Bahan-bahan untuk menghasilkan produk • Bahan-bahan untuk pembungkusan produk	

PENZAHIRAN SOSIAL

TOPIK	ASAS	PERTENGAHAN	LANJUTAN
AMALAN BURUH	☐ SB-S1.1a : Melaporkan bilangan insiden buruh kanak-kanak, jika ada	☐ SB-S1.1b : Melaporkan bilangan insiden buruh paksa, jika ada (cth. waktu kerja berlebihan, menyimpan dokumen pengenalan diri, dll)	
	☐ SB-S1.2a : Melaporkan jumlah bilangan: • Kakitangan • Kakitangan yang mendapat latihan	☐ SB-S1.2b : Melaporkan jumlah keseluruhan jam latihan	
		☐ SB-S1.3a : Melaporkan peratusan kakitangan yang memenuhi atau melebihi undang-undang gaji minimum yang dikuatkuasakan, sekiranya ada	
KESIHATAN DAN KESELAMATAN	☐ SB-S2.1a : Melaporkan bilangan kes kematian dan kecederaan, jika ada	☐ SB-S2.1b : Melaporkan jumlah keseluruhan kakitangan yang menjalani latihan mengenai kesihatan dan keselamatan (cth. suasana kerja yang selamat, penggunaan kelengkapan perlindungan diri seperti pelitup muka, sarung tangan, dll)	
MASYARAKAT	☐ SB-S3.1a : Menyenaraikan libat urus dengan masyarakat, contohnya: • Latihan kemahiran atau perantisan untuk membina keupayaan dan mata pencarian • Penyertaan dalam acara kebudayaan tempatan untuk mempromosikan warisan kesenian batik • Bekerjasama dalam projek untuk melindungi masyarakat dan alam sekitar	☐ SB-S3.1b : Melaporkan jumlah keseluruhan jam dan/ atau jumlah wang yang disumbangkan kepada masyarakat	

PENZAHIRAN TADBIR URUS

TOPIK	ASAS	PERTENGAHAN	LANJUTAN
TADBIR URUS DAN PEMATUHAN	☐ SB-G1.1a : Melaporkan jenis perniagaan (cth. pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat sendirian berhad, syarikat awam berhad, dll.)	☐ SB-G1.1b : Melaporkan tahun terakhir laporan kewangan beraudit dikemukakan, jika ada	
		☐ SB-G1.2a : Menyenaraikan prinsip yang menjadi komitmen perniagaan, termasuk: • Etika • Keselamatan	☐ SB-G1.2b : Menyenaraikan dasar syarikat, termasuk: • Kod Tatalaku • Dasar Kesihatan dan Keselamatan • Dasar Pencegahan Rasuah
PENCEGAHAN RASUAH		☐ SB-G2.1a : Melaporkan bilangan keseluruhan insiden rasuah yang disahkan, jika ada	☐ SB-G2.1b : Melaporkan bilangan keseluruhan kakitangan yang telah menerima latihan mengenai pencegahan sogokan dan rasuah



TONGGAK : ALAM SEKITAR



TONGGAK : ALAM SEKITAR

TOPIK SB-E1 :
EMISI

TOPIK SB-E2 :
TENAGA

TOPIK SB-E3 :
AIR

TOPIK SB-E4 :
SISA BUANGAN

TOPIK SB-E5 :
BAHAN-BAHAN

GAMBARAN KESELURUHAN

Gas rumah hijau (GHG) merupakan gas yang memerangkap haba dan memanaskan planet. Pembebasan gas-gas ini merupakan penyumbang utama kepada perubahan iklim. Gas rumah hijau lazim termasuk karbon dioksida (CO₂), metana (CH₄), nitrous oksida (N₂O), dan gas berfluorinasi. Terdapat 3 jenis emisi yang dikenali sebagai Skop 1, Skop 2, dan Skop 3.

Skop 1 ialah emisi langsung daripada sumber yang dimiliki atau dikawal oleh syarikat, seperti pembakaran bahan api kenderaan kepunyaan syarikat atau proses pembuatan di tapak.

Skop 2 ialah emisi tidak langsung daripada penjanaan elektrik berbayar, seperti elektrik yang digunakan dalam bangunan syarikat tetapi dihasilkan di tempat lain.

Skop 3 ialah semua emisi tidak langsung lain yang berlaku dalam rantai nilai, seperti emisi daripada pembekal, penggunaan produk dan pelupusan, yang tidak dimiliki atau dikawal oleh syarikat tetapi dicetuskan oleh aktiviti.

Bagi industri Batik Malaysia, emisi dan kesan alam sekitar berpunca terutamanya daripada proses pengeluaran dan pembungkusan yang melibatkan mencanting dan menerapkan lilin (wax stamping), pencelupan warna, merebus, memasak (kanji sagu) dan pengeringan fabrik untuk pengeluaran dan plastik, kertas, kadbod, dll untuk pembungkusan. Dalam panduan ringkas ini, kami telah mengesyorkan penzahiran Skop 1 dan Skop 2.

Penzahiran dalam Topik ini memberi maklumat mengenai emisi syarikat dan bagaimana syarikat mengurusnya. Syarikat hendaklah mengambil kira panduan kawal selia seperti yang ditetapkan oleh undang-undang atau peraturan.

PENZAHIRAN

ASAS	PERTENGAHAN	LANJUTAN
☐ SB-E1.1a : Menyenaraikan dari mana datangnya emisi Skop 1 GHG termasuk: • Peralatan yang menggunakan bahan api (cth tungku dapur, penjana, dll.) • Kenderaan syarikat (cth lori, van, kereta, motorsikal, dll.)	☐ SB-E1.1b : Melaporkan jumlah keseluruhan emisi Skop 1 GHG	☐ SB-E1.1c : Melaporkan pengurangan emisi Skop 1 GHG
☐ SB-E1.2a : Menyenaraikan dari mana datangnya emisi Skop 2 GHG (cth. Elektrik yang dibeli, dll.)	☐ SB-E1.2b : Melaporkan jumlah keseluruhan emisi Skop 2 GHG	☐ SB-E1.2c : Melaporkan pengurangan emisi Skop 2 GHG

PANDUAN TAMBAHAN

SKOP 1

Sumber

Skop 1 Emisi GHG boleh berpunca dari sumber berikut dalam sesebuah syarikat. Jadual di bawah merangkumi sumber emisi umum Skop 1 dan dipadankan kepada sumber Skop 1 industri Batik Malaysia yang berpotensi. Untuk metodologi komprehensif pengiraan emisi Skop 1, sila rujuk dokumen 'Panduan Protokol GHG Skop 1'.

Sumber Umum Emisi Skop 1	Sumber Emisi Skop 1 yang Berpotensi bagi Industri Batik Malaysia
• Penjanaan elektrik, pemanasan, pendinginan, dan stim: emisi ini berpunca daripada pembakaran bahan api di dalam sumber pegun seperti dandang, relau dan turbin – dan daripada proses pembakaran yang lain seperti nyalaan (flaring)	• Penjanaan elektrik dan pemanasan: emisi seperti ini terhasil daripada pembakaran bahan api dalam sumber pegun, seperti peralatan yang membakar bahan api (cth. dapur, penjana elektrik, dll.)
• Pengangkutan bahan, produk, sisa buangan, pekerja dan penumpang: emisi ini terhasil daripada pembakaran bahan api dalam sumber pembakaran mudah alih yang dimiliki atau dikawal oleh syarikat, seperti trak, kereta api, kapal, kapal terbang, bas dan kereta	• Pengangkutan bahan mentah, produk batik dan pekerja: emisi ini terhasil daripada pembakaran bahan api dalam sumber pembakaran mudah alih yang dimiliki atau dikawal oleh syarikat, seperti trak, kereta dan motosikal, kenderaan syarikat (cth. trak, van, kereta, motosikal, dll.)
Lain-lain: • Pemprosesan fizikal atau kimia • Emisi fugitif (tidak terkawal) • Emisi hidrofluorokarbon (HFC)	• Berkemungkinan tidak ada kaitan

ALAM SEKITAR : EMISI

Pengiraan emisi Skop 1

Emisi Skop 1 = Data aktiviti x Faktor Emisi

SKOP 2

Sumber

Sumber emisi GHG Skop 2 termasuk, tetapi tidak terhad kepada, emisi CO₂ daripada penjana elektrik yang dibeli, pemanasan, penyejukan dan stim yang diperoleh oleh syarikat. Terkait dengan industri batik, sebahagian besar emisi GHG Skop 2 adalah tenaga elektrik yang dibeli. Kaedah pengiraan berasaskan lokasi daripada Protokol GHG (yang mencerminkan faktor emisi purata untuk grid elektrik di wilayah atau negara tertentu) adalah disyorkan.

Untuk metodologi komprehensif pengiraan emisi Skop 2, sila rujuk dokumen 'Panduan Protokol GHG Skop 2'. Cara ringkas untuk mengira emisi Skop 2 dinyatakan di bawah.

Pengiraan Skop 2

Pengiraan emisi Skop 2 (untuk kaedah berasaskan lokasi dan diringkaskan untuk penggunaan elektrik sahaja):

Emisi Skop 2 = Penggunaan Elektrik x Faktor Emisi

Nota:

- o Jumlah keseluruhan penggunaan elektrik boleh didapati dalam bil elektrik syarikat.
- o Faktor pelepasan ialah jumlah emisi GHG yang dikeluarkan oleh pembekal semasa menjana elektrik dan khusus kepada lokasi: Contoh di Malaysia – di Semenanjung Malaysia (Tenaga Nasional Bhd), di Sarawak (Sarawak Energy Bhd) atau di Sabah (Sabah Electricity Sdn Bhd)



TONGGAK : ALAM SEKITAR

GAMBARAN KESELURUHAN

Sebuah syarikat boleh menggunakan tenaga dalam pelbagai bentuk, seperti bahan api, elektrik, pemanasan, penyejukan atau stim. Tenaga boleh dijana sendiri atau dibeli dari sumber luar dan ia boleh datang dari sumber yang boleh diperbaharui (cth., angin, hidro atau solar) atau daripada sumber yang tidak boleh diperbaharui (cth., arang batu, petroleum atau gas asli).

Penggunaan tenaga boleh berlaku sepanjang operasi syarikat. Bagi industri Batik Malaysia, tenaga digunakan terutama sekali untuk memanaskan, merebus lilin, memasak kanji sagu, mencelup warna, dan mengeringkan fabrik. Berikut adalah beberapa contoh:

- Dapur minyak tanah atau arang untuk memanaskan air, merebus lilin dan memasak kanji sagu
- Elektrik untuk pencahayaan, penggunaan mesin dan pengeringan fabrik.

Terdapat cara untuk mengurangkan penggunaan tenaga atau beralih ke sumber tenaga yang lebih bersih (cth. peralatan cekap tenaga dan tenaga solar).

Penzahiran dalam Topik ini memberi maklumat mengenai cara syarikat menggunakan tenaga dan cara ia menguruskannya. Syarikat hendaklah mengambil kira panduan kawal selia seperti yang ditetapkan oleh undang-undang atau peraturan.

TOPIK SB-E1 :
EMISI

TOPIK SB-E2 :
TENAGA

TOPIK SB-E3 :
AIR

TOPIK SB-E4 :
SISA BUANGAN

TOPIK SB-E5 :
BAHAN-BAHAN

ALAM SEKITAR : TENAGA

PENZAHIRAN

ASAS	PERTENGAHAN	LANJUTAN
☐ SB-E2.1a : Menyenaraikan bagaimana tenaga diperoleh, termasuk: • Elektrik yang dibeli • Tenaga solar • Jenis-jenis bahan api (cth. kayu api, arang, petrol, disel, kerosin, gas, dll.)	☐ SB-E2.1b : Melaporkan jumlah yang digunakan, termasuk: • Elektrik yang dibeli • Tenaga solar • Bahan api mengikut jenis	☐ SB-E2.1c : Melaporkan pengurangan dalam jumlah yang digunakan, termasuk: • Elektrik yang dibeli • Tenaga solar • Bahan api mengikut jenis

PANDUAN TAMBAHAN

PUNCA TENAGA

Sumber bahan api boleh diperbaharui ditakrifkan sebagai sumber bahan api yang boleh diganti semula secara alami dalam masa yang singkat. Ini termasuk:

Sumber Bahan Api yang boleh Diperbaharui	Bahan Api yang boleh Diperbaharui yang Berpotensi dalam Industri Batik Malaysia
• Solar	• Kuasa solar dimanfaatkan menggunakan panel solar
• Biojisim	• Kayu, arang dan/atau sebarang sumber lain yang digunakan dalam dapur dalam proses pencairan, penyingkiran lilin dan memasak kanji sagu.
Lain-lain • Angin • Geoterma • Hidrokuasa	• Berkemungkinan tidak ada kaitan

ALAM SEKITAR : TENAGA

Sumber bahan api tidak boleh diperbaharui ditakrifkan sebagai sumber bahan api yang tidak boleh diganti semula dalam tempoh yang singkat. Ini termasuk bahan api yang disuling daripada:

Sumber Bahan Api yang Tidak boleh Diperbaharui	Sumber Bahan Api yang tidak boleh Diperbaharui yang Berpotensi dalam Industri Batik Malaysia
Petroleum atau minyak mentah (cth, petrol, minyak disel, bahan api jet dan minyak pemanas)	Petrol dan/atau diesel yang digunakan dalam trak, kereta, motosikal dan penjanakuasa
Bahan api yang diekstrak daripada pemprosesan gas asli dan penapisan petroleum (cth., butana, propana, dan gas petroleum cecair- LPG)	LPG yang digunakan dalam dapur dalam proses pencairan, penyingkiran lilin dan memasak kanji sagu
Lain-lain - Gas asli (gas asli mampat - CNG, dan gas asli cecair – LNG) - Arang batu - Kuasa nuklear	Berkemungkinan tidak ada kaitan

PENGURANGAN TENAGA

Syarikat boleh mula melaporkan inisiatif pengurangan yang dilaksanakan dalam tempoh pelaporan dan menekankan inisiatif yang berpotensi menyumbang dengan ketara kepada pengurangan tenaga.

Contoh Inisiatif Pengurangan Tenaga	Contoh Inisiatif Pengurangan Tenaga yang Berpotensi dalam Industri Batik
Proses reka cipta semula	- Memperbaiki kekerapan pencelupan warna dan penyingkiran lilin - Alternatif penggunaan penghalang warna lilin batik kepada tanah liat dan kanji sagu yang tidak melibatkan rebusan bagi penyingkiran lilin
Penukaran dan pemasangan semula peralatan	- Menukar kepada penyaman udara, penapisan air atau sistem rawatan efluen (jika ada) yang cekap tenaga di premis Batik - Mengguna pakai sumber bahan api yang lebih bersih untuk peralatan pembakaran bahan api (cth. menggantikan dapur minyak tanah dengan dapur gas LPG atau dapur elektrik yang menggunakan elektrik yang dijana sendiri)
Perubahan tingkah laku	Menggalakkan cara penggunaan terbaik bahan api semasa penggunaan peralatan pembakaran bahan api
Perubahan operasi	Menyesuaikan aliran proses untuk meningkatkan kecekapan tenaga

Dalam industri Batik Malaysia, pengurangan tenaga tertumpu pada penurunan tenaga yang digunakan dalam pemanasan, pendidihan, pencelupan warna dan pengeringan, yang merupakan langkah yang paling intensif tenaga. Syarikat boleh melaporkan pengurangan dalam penggunaan tenaga dengan menggabungkan jenis tenaga, atau secara berasingan, oleh inisiatif individu atau inisiatif berkumpulan.



TONGGAK : ALAM SEKITAR

TOPIK SB-E1 :
EMISI

TOPIK SB-E2 :
TENAGA

TOPIK SB-E3 :
AIR

TOPIK SB-E4 :
SISA BUANGAN

TOPIK SB-E5 :
BAHAN-BAHAN

GAMBARAN KESELURUHAN

Adalah penting untuk melindungi dan mengehadkan penggunaan sumber penting – air. Jumlah air yang digunakan oleh syarikat dan kualiti air sisa buangnya boleh mempengaruhi ekosistem. Air sisa buangan ialah air yang telah digunakan dan tercemar oleh aktiviti.

Bagi industri Batik Malaysia, air merupakan sumber penting yang digunakan terutamanya dalam pencelupan warna, pembilasan, dan pencucian dalam proses penghasilan fabrik. Air bersih digunakan untuk mewarna dan menyingkirkan lilin dan bahan kimia yang berlebihan daripada fabrik. Air sisa mungkin mengandungi sisa pewarna, lilin dan bahan kimia. Pengurusan air dan rawatan air sisa yang cekap merupakan langkah penting dalam proses pengeluaran.

Penzahiran dalam Topik ini memberikan maklumat tentang bagaimana syarikat menggunakan air dan menguruskannya. Syarikat hendaklah mengambil kira panduan kawal selia seperti yang ditetapkan oleh undang-undang atau peraturan.

PENZAHIRAN

ASAS	PERTENGAHAN	LANJUTAN
☐ SB-E3.1a : Menyénaraikan dari mana air diperoleh, termasuk: • Air yang dibeli • Sungai dan anak sungai • Perigi	☐ SB-E3.1b : Melaporkan jumlah air yang digunakan, termasuk dari: • Air yang dibeli • Sungai dan anak sungai • Perigi	☐ SB-E3.1c : Melaporkan pengurangan jumlah air yang digunakan, termasuk daripada: • Air yang dibeli • Sungai dan anak sungai • Perigi
	☐ SB-E3.2a : Menyénaraikan bagaimana air sisa dirawat sebelum dilepaskan, termasuk: • Tiada rawatan air sisa • Penapis • Bahan kimia • Sistem rawatan air sisa	

PANDUAN TAMBAHAN

PENGAMBILAN AIR

Pengambilan air disini bermaksud pengambilan air daripada sumber semula jadi untuk digunakan. Sumber pengeluaran air boleh termasuk:

Sumber Pengambilan Air	Sumber Pengambilan Air yang Berpotensi dalam Industri Batik Malaysia
• Air yang dibeli/Air dari pihak ketiga: Pembekal air perbandaran dan loji rawatan air sisa perbandaran, utiliti awam atau swasta, dan syarikat lain yang terlibat dalam penyediaan, pengangkutan, rawatan, pelupusan atau penggunaan air.	• Air yang dibeli daripada syarikat utiliti dan perkhidmatan air tempatan
• Air permukaan: Air yang wujud secara semula jadi di permukaan Bumi dalam kepingan ais, litupan ais, glasier, aisberg, rawa, kolam, tasik, sungai, anak sungai, air hujan yang dikumpulkan	• Air yang diambil dari sungai dan anak Sungai, relevan kepada pengeluar Batik Malaysia yang terletak berdekatan dengan sumber ini
• Air Tanah: Air yang tersimpan di bawah, dan boleh diperoleh daripada formasi bawah tanah	• Air yang diambil dari telaga, relevan kepada pengeluar Batik Malaysia yang terletak berhampiran dengan sumber ini
• Air yang dihasilkan: Air yang memasuki sempadan syarikat hasil daripada pengekstrakan (cth., minyak mentah), pemprosesan (cth., penghancuran tebu), atau penggunaan sebarang bahan mentah	• Berkemungkinan tidak ada kaitan

PENGURANGAN AIR

Syarikat boleh mula melaporkan inisiatif pengurangan air dalam tempoh pelaporan dan menekankan inisiatif pengurangan air yang berpotensi besar. Inisiatif pengurangan air meliputi:

- Reka bentuk semula proses,
- Penukaran dan pemasangan semula peralatan,
- Perubahan tingkah laku,
- Perubahan operasi (seperti kitar semula dan guna semula), dan
- Pengesanan dan pembaikan kebocoran.

Dalam industri Batik, pengurangan air tertumpu kepada pengurangan penggunaan air dalam proses mewarna, mencanting dan membilas fabrik untuk menjimatkan sumber dan mengurangkan pencemaran. Pengusaha batik boleh melaporkan pengurangan penggunaan air dengan menggabungkan sumber air, atau secara berasingan mengikut inisiatif yang dilaksanakan. Antara beberapa kaedah adalah:

- Merendam fabrik secara pukal untuk mengurangkan penggunaan air bagi setiap helai
- Mengitar semula dan menggunakan semula air dalam proses pengeluaran
- Menggunakan pewarna semula jadi yang kurang memerlukan air dan mengurangkan air sisa bertoksik
- Melaksanakan kaedah saliran dan rawatan air sisa yang betul



TONGGAK : ALAM SEKITAR

GAMBARAN KESELURUHAN

Sisa buangan boleh dihasilkan melalui aktiviti syarikat, contohnya, semasa proses pengeluaran di mana terdapat sisa bahan yang tidak digunakan. Sisa buangan terdiri daripada sisa berbahaya dan sisa tidak berbahaya. Adalah penting untuk menguruskan sisa buangan dengan betul dengan mengumpul bahan sisa buangan dengan berhati-hati dan merawatnya sebelum melepaskannya, jika perlu.

Terdapat beberapa cara yang bertanggungjawab untuk mengurus sisa terkumpul, cth. melalui kitar semula, guna semula atau menggunakannya semula untuk tujuan lain.

Bagi industri Batik Malaysia, sisa buangan terdiri daripada sisa dari pewarna, lilin, bahan kimia, dan pepejal yang terhasil dari proses mencuci, mencelup warna, dan membilas. Beberapa contoh adalah:

- Sisa Pepejal - enapcemar dari rawatan air sisa, sisa lilin, sisa fabrik dan sisa pewarna,
- Sisa Buangan Kimia - bahan kimia berlebihan yang digunakan dalam peringkat pencelupan warna dan peringkat kemasan, dan
- Logam Berat - logam toksik boleh didapati dalam bahan kimia pewarna

Bagi industri Batik, pengurusan sisa yang bertanggungjawab bermula dengan mengutamakan pencegahan penjanaan sisa buangan, diikuti dengan operasi pemulihan yang mengalihkan sisa buangan daripada dihantar ke pelupusan, seperti penyediaan untuk penggunaan semula, kitar semula dan operasi pemulihan yang lain.

Penzahiran dalam Topik ini memberi maklumat mengenai penjanaan sisa buangan syarikat dan cara ia menguruskannya. Syarikat hendaklah mengambil kira panduan kawal selia seperti yang ditetapkan oleh undang-undang atau peraturan.

TOPIK SB-E1 :
EMISI

TOPIK SB-E2 :
TENAGA

TOPIK SB-E3 :
AIR

TOPIK SB-E4 :
SISA BUANGAN

TOPIK SB-E5 :
BAHAN-BAHAN

ALAM SEKITAR : SISA BUANGAN

PENZAHIRAN

ASAS	PERTENGAHAN	LANJUTAN
	☐ SB-E4.1a : Menyenaraikan jenis-jenis sisa buangan yang dihasilkan, termasuk: • Sisa buangan berbahaya/ berjadual (cth. lilin pepejal dengan pewarna, bahan kimia, dll.) • Sisa buangan tidak berbahaya / tidak berjadual (cth. sisa kain, bungkusan, lilin pepejal tanpa warna, dll.)	☐ SB-E4.1b : Melaporkan jumlah sisa buangan yang dihasilkan, termasuk: • Sisa buangan berbahaya /berjadual • Sisa buangan tidak berbahaya/ tidak berjadual
	☐ SB-E4.2a : Menyenaraikan bagaimana sisa buangan dipulihkan, termasuk: • Guna semula • Kitar semula • Guna semula untuk tujuan lain	☐ SB-E4.2b : Melaporkan jumlah sisa buangan yang dipulihkan

PANDUAN TAMBAHAN

SISA BUANGAN YANG DIHASILKAN

Kuantiti, kualiti dan jenis sisa buangan yang dihasilkan dalam aktiviti syarikat untuk menghasilkan barangan (cth., semasa pengekstrakan, pemprosesan, perolehan bahan, reka cipta produk, pengeluaran) hendaklah dinyatakan di sini.

Jenis sisa buangan boleh ditakrifkan kepada sisa berbahaya berbanding sisa tidak berbahaya. Di bawah adalah beberapa contoh jenis sisa buangan:

Jenis Sisa Buangan	Jenis Sisa Buangan yang Berpotensi dalam Industri Batik Malaysia
Berbahaya	Lilin pepejal yang bercampur dengan pewarna jika tidak digunakan semula dan pewarna dan bekas sodium silikat, blok logam, berus dan skrin terpakai yang dilupuskan tanpa dicuci, bahan pembungkus yang tercemar dengan bahan kimia, pewarna tamat tempoh dan bahan kimia
Tidak Berbahaya	Sisa fabrik, lilin terpakai pepejal (tanpa campuran pewarna), sisa pembungkusan (daripada barangan yang dibeli dan lebihan pembungkusan daripada pembungkusan produk Batik)

SISA BUANGAN YANG DIPULIHKAN

Apabila melaporkan sisa buangan yang dipulihkan, syarikat boleh menyatakan cara sisa buangan itu dipulihkan (cth. dikitar semula, diguna semula, diguna semula untuk tujuan lain, dll). Dalam laporan mengenai pemulihan sisa buangan, adalah penting untuk menyatakan bagaimana sisa bahan seperti lilin, pewarna dan air buangan dikumpul dan dirawat untuk membolehkan bahan-bahan tersebut digunakan semula atau dilupuskan dengan selamat. Ia boleh meliputi pengambilan lebihan lilin untuk digunakan semula dalam corak batik baharu dan penggunaan fabrik untuk tujuan lain.



TONGGAK : ALAM SEKITAR

TOPIK SB-E1 :
EMISI

TOPIK SB-E2 :
TENAGA

TOPIK SB-E3 :
AIR

TOPIK SB-E4 :
SISA BUANGAN

TOPIK SB-E5 :
BAHAN-BAHAN

GAMBARAN KESELURUHAN

Bahan dalam syarikat adalah item yang diperlukan untuk menghasilkan produk akhir. Syarikat mengambil bahan mentah, seperti logam, plastik atau fabrik, dan menukar atau menggabungkannya melalui proses yang berbeza untuk menghasilkan produk siap. Bahan yang digunakan untuk menghasilkan dan membungkus produk boleh termasuk dalam kategori yang berbeza, seperti bahan tidak boleh diperbaharui, seperti mineral, logam, minyak, gas atau arang batu; atau bahan boleh diperbaharui, seperti kayu atau air.

Bagi industri Batik Malaysia, ini termasuk pengeluaran batik dengan cara mengatur dan mengawal bahan mentah (seperti fabrik, lilin, tanah liat, kanji sagu, pewarna, pembungkusan) dengan cekap, untuk penghasilan yang lancar tanpa penangguhan atau pembaziran yang tidak perlu, pengurangan kos dan kawalan kualiti. Ia juga meliputi bahan yang digunakan untuk membungkus produk.

Penzahiran dalam Topik ini memberi maklumat mengenai penggunaan bahan oleh syarikat untuk menghasilkan dan membungkus produknya dan cara syarikat menguruskannya. Syarikat hendaklah mengambil kira panduan kawal selia seperti yang ditetapkan oleh undang-undang atau peraturan.

ALAM SEKITAR : BAHAN-BAHAN

PENZAHIRAN

ASAS	PERTENGAHAN	LANJUTAN
☐ SB-E5.1a : Menyenaraikan bahan-bahan yang digunakan, termasuk: • Bahan-bahan untuk menghasilkan produk • Bahan-bahan untuk pembungkusan produk	☐ SB-E5.1b : Melaporkan jumlah bahan-bahan yang digunakan, termasuk: • Bahan-bahan untuk menghasilkan produk • Bahan-bahan untuk pembungkusan produk	

PANDUAN TAMBAHAN

JUMLAH BAHAN

Dalam pengiraan jumlah bahan yang digunakan, pelbagai jenis bahan harus dipertimbangkan, termasuk:

Jenis Bahan	Jenis Bahan yang Berpotensi dalam Industri Batik Malaysia
• Bahan mentah - Sumber semula jadi yang digunakan untuk penukaran kepada produk dan perkhidmatan	• Pewarna dari bahan semula jadi, dll
• Bahan proses yang berkaitan – Bahan yang diperlukan untuk proses pembuatan tetapi bukan sebahagian daripada produk akhir, seperti pelincir untuk jentera pembuatan	• Bahan kimia yang digunakan dalam pengeluaran Batik Malaysia: ○ Lilin ○ Agen pembersih untuk membersihkan peralatan dan kawasan kerja ○ Penapis air atau bahan kimia untuk rawatan efluen (jika ada) ○ Air, kayu dan arang (jika ada) ○ Lain-lain • Bahan semula jadi sebagai penghalang warna Batik Malaysia: ○ Tanah Liat ○ Kanji Sagu ○ Lain-lain
• Produk atau barang separa siap – Bahan dan komponen yang hadir sebagai bahan yang dihasilkan dan bukan bahan mentah	• Fabrik, pewarna, dll
• Bahan bagi tujuan untuk pembungkusan	• Kertas pembungkus, plastic, kadbod dll



TONGGAK : SOSIAL



TONGGAK : SOSIAL

TOPIK SB-S1 :
AMALAN TENAGA BURUH

TOPIK SB-S2 :
**KESIHATAN DAN
KESELAMATAN**

TOPIK SB-S3 :
MASYARAKAT

GAMBARAN KESELURUHAN

Buruh kanak-kanak merujuk kepada kanak-kanak yang bekerja pada usia persekolahan. Buruh paksa merujuk kepada orang yang dipaksa bekerja di luar kehendak mereka, sama ada kerana diancam atau dipaksa. Syarat tertentu yang menjelaskan situasi ini dan butiran lanjut mengenainya boleh didapati dalam rujukan.

Antara beberapa bentuk buruh kanak-kanak termasuk menghalang kanak-kanak menikmati masa kecil mereka, mendatangkan kemudaratan secara fizikal atau mental kepada mereka, dan mengganggu pendidikan mereka. Beberapa bentuk buruh paksa termasuk menahan dokumen pengenalan diri, beban hutang, bekerja di bawah ancaman dipecat dan waktu bekerja melebihi masa yang dibenarkan atau dipersetujui.

Butiran khusus dan maklumat lanjut boleh didapati dalam rujukan antarabangsa seperti Konvensyen 138 Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) Konvensyen Umur Minimum dan Konvensyen ILO 29 Konvensyen Buruh Paksa.

Bagi industri Batik Malaysia, ia bermakna menyediakan suasana kerja yang selamat dan adil yang menghormati hak pekerja dan menggalakkan suasana kerja yang baik.

Penzahiran dalam Topik ini memberi maklumat mengenai insiden buruh kanak-kanak dan buruh paksa yang terjadi di dalam satu syarikat dan cara ia menguruskannya. Syarikat hendaklah mengambil kira panduan kawal selia seperti yang telah ditetapkan oleh undang-undang atau peraturan.

SOSIAL : AMALAN TENAGA BURUH

PENZAHIRAN

ASAS	PERTENGAHAN	LANJUTAN
☐ SB-S1.1a : Melaporkan bilangan insiden buruh kanak-kanak, jika ada	☐ SB-S1.1b : Melaporkan bilangan insiden buruh paksa, jika ada (cth. waktu kerja berlebihan, menyimpan dokumen pengenalan diri, dll)	
☐ SB-S1.2a : Melaporkan jumlah bilangan: • Kakitangan • Kakitangan yang mendapat latihan	☐ SB-S1.2b : Melaporkan jumlah keseluruhan jam latihan	
	☐ SB-S1.3a : Melaporkan peratusan kakitangan yang memenuhi atau melebihi undang-undang gaji minimum yang dikuatkuasakan, sekiranya ada	

PANDUAN TAMBAHAN

HAK ASASI MANUSIA

Apabila melaporkan, syarikat hendaklah menyatakan bilangan insiden yang disahkan, jika ada, berkenaan buruh kanak-kanak dan buruh paksa. Insiden yang disahkan merujuk kepada insiden yang telah dikenal pasti atau dilaporkan dan dibuktikan, sama ada secara dalaman atau oleh badan kawal selia atau badan rasmi yang berkaitan yang mengenal pasti pelanggaran hak asasi manusia atau kanak-kanak.

LATIHAN

Apabila melaporkan, syarikat hendaklah menyatakan jumlah bilangan pekerja yang menerima latihan dan jumlah jam latihan. Pelaporan mengenai jumlah jam latihan, mungkin meliputi:

- Semua jenis latihan vokasional,
- Cuti pendidikan berbayar yang diberikan oleh syarikat kepada pekerja, dan
- Latihan atau pendidikan yang dijalankan secara luaran dan dibiayai sama ada keseluruhan atau sebahagian oleh syarikat.

SOSIAL : AMALAN TENAGA BURUH

GAJI

Gaji minimum merujuk kepada ganjaran minimum untuk pekerjaan yang dibenarkan di bawah undang-undang. Pekerja ditakrifkan sebagai individu yang mempunyai hubungan pekerjaan dengan syarikat, mengikut undang-undang negara atau penggunaannya. Gaji pekerja hendaklah dikira berdasarkan jam bekerja standard seperti yang ditakrifkan oleh undang-undang buruh tempatan.

Syarikat harus menyimpan rekod, antara lain:

- Kadar gaji minimum semasa mengikut bidang kuasa,
- Tarikh semakan gaji terakhir, dan
- Kekerapan audit pematuhan gaji



TONGGAK : SOSIAL

GAMBARAN KESELURUHAN

Suasana kerja yang sihat dan selamat melibatkan pencegahan masalah fizikal dan mental. Suasana kerja yang sihat dan selamat diperakui sebagai hak asasi manusia. Ia merangkumi bahaya, keuzuran dan kecederaan yang berkait dengan pekerjaan. Sesebuah syarikat hendaklah memberi penekanan terhadap amalan kesihatan dan keselamatan yang membolehkan penyediaan, komunikasi, latihan, pencegahan, pengenalan dan penyiasatan sekiranya berlaku insiden yang melibatkan kesihatan dan keselamatan.

Bagi industri Batik Malaysia, ia termasuk mengenal pasti dan mengurus risiko seperti yang berkaitan dengan kualiti udara di persekitaran tempat kerja, pendedahan kepada bahan kimia daripada pewarna dan lilin, ketegangan ergonomik akibat dari pergerakan berulang dan kerja secara manual, dan bahaya fizikal di ruang kerja. Amalan kesihatan dan keselamatan yang berkesan mengurangkan kemalangan di tempat kerja, mencegah masalah kesihatan jangka panjang seperti gangguan pernafasan atau muskuloskeletal, dan mewujudkan budaya keselamatan di mana pekerja berasa dilindungi dan dihargai.

Penzahiran dalam Topik ini memberi maklumat mengenai insiden kesihatan dan keselamatan syarikat dan bagaimana insiden ditangani. Syarikat hendaklah mengambil kira panduan kawal selia seperti yang ditetapkan oleh undang-undang atau peraturan.

TOPIK SB-S1 :
AMALAN TENAGA BURUH

TOPIK SB-S2 :
**KESIHATAN DAN
KESELAMATAN**

TOPIK SB-S3 :
MASYARAKAT

SOSIAL : KESIHATAN DAN KESELAMATAN

PENZAHIRAN

ASAS	PERTENGAHAN	LANJUTAN
☐ SB-S2.1a : Melaporkan bilangan kes kematian dan kecederaan, jika ada	☐ SB-S2.1b : Melaporkan jumlah keseluruhan kakitangan yang menjalani latihan mengenai kesihatan dan keselamatan (cth. suasana kerja yang selamat, penggunaan kelengkapan perlindungan diri seperti pelitup muka, sarung tangan, dll)	

PANDUAN TAMBAHAN

KEMATIAN DAN KECEDERAAN

Dalam laporannya, syarikat hendaklah menyatakan bilangan bahaya, keuzuran, kecederaan dan kematian yang berkait dengan kerja. Ia juga termasuk kelewatan jangka pendek dan jangka panjang yang disebabkan oleh masalah kesihatan yang berkait dengan kerja. Kelewatan merujuk kepada tempoh antara penzahiran dan permulaan keuzuran. Maklumat penting yang mesti dikemukakan adalah kecederaan berkait kerja yang memberi kesan besar seperti kematian.

Sebuah syarikat memikul tanggungjawab untuk melaksanakan usaha dalam langkah-langkah kesihatan dan keselamatan dalam pengeluaran batik yang memerlukan perhatian yang teliti terhadap pendedahan kepada bahan kimia, ketegangan fizikal, peralatan perlindungan, dan keadaan tempat kerja untuk melindungi pekerja dan meningkatkan kualiti hidup mereka.

LATIHAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN

Program latihan yang membantu pekerja batik bekerja dengan selamat dan mengurangkan risiko terhadap kesihatan termasuk:

- Keselamatan di tempat kerja - Melatih pekerja mengenai bahaya yang biasa berlaku dalam pengeluaran batik seperti lilin panas dan bahan kimia
- Penggunaan peralatan pelindung diri (PPE) – Latihan mengenai kepentingan peralatan perlindungan (cth. sarung tangan, pelitup muka, apron, dan kasut yang sesuai),
- Kesiediaan kecemasan – Latihan mengenai keselamatan kebakaran, pertolongan cemas, dan latihan pengosongan,
- Pengendalian bahan kimia dan pengurusan sisa - Latihan mengenai penyimpanan, penggunaan dan pelupusan pewarna dan bahan kimia, dan
- Pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan - Latihan mengenai undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerjaan.



TONGGAK : SOSIAL

GAMBARAN KESELURUHAN

Masyarakat adalah sekumpulan orang yang berkongsi sesuatu yang sama, kemungkinan ia tinggal di tempat yang sama, mempunyai nilai, minat, budaya atau identiti yang dikongsi bersama. Masyarakat boleh berdasarkan lokasi, seperti kawasan kejiranan, kampung, pekan atau bandar. Ia boleh terdiri daripada mereka yang tinggal bersebelahan atau mereka yang tinggal jauh dengan operasi syarikat. Masyarakat menyediakan orang ramai dengan perhubungan sosial, sokongan, identiti dan peluang untuk bekerjasama bagi mencapai matlamat bersama. Libat urus bersama masyarakat boleh mewujudkan nilai bersama yang memberi manfaat kepada kedua-dua usahawan artisan dan Masyarakat.

Warisan dan budaya unik dalam pembuatan batik menjadikan Topik ini sebagai salah satu pertimbangan terpenting bagi industri. Ia secara aktif boleh memahami dan memanfaatkan pengalaman dan kepakaran berdekad-dekad untuk memastikan pemuliharaan dan pemeliharaan berterusan bagi seni dan industri Batik Malaysia.

Antara aktiviti masyarakat semasa dalam industri batik termasuk menjalankan program latihan, bimbingan atau latihan amali, melibatkan kanak-kanak untuk pendedahan awal kepada industri, sumbangan perkhidmatan dan masa, dan mempamerkan seni dan produk.

Penzahiran dalam Topik ini memberi maklumat mengenai penglibatan syarikat dengan masyarakat. Syarikat hendaklah mengambil kira panduan kawal selia seperti yang ditetapkan oleh undang-undang atau peraturan.

TOPIK SB-S1 :
AMALAN TENAGA BURUH

TOPIK SB-S2 :
**KESIHATAN DAN
KESELAMATAN**

TOPIK SB-S3 :
MASYARAKAT

PENZAHIRAN

ASAS	PERTENGAHAN	LANJUTAN
☐ SB-S3.1a : Menyenaikan libat urus dengan masyarakat, contohnya: • Latihan kemahiran atau perantisan untuk membina keupayaan dan mata pencarian • Penyertaan dalam acara kebudayaan tempatan untuk mempromosikan warisan kesenian batik • Bekerjasama dalam projek untuk melindungi masyarakat dan alam sekitar	☐ SB-S3.1b : Melaporkan jumlah keseluruhan jam dan/atau jumlah wang yang disumbangkan kepada masyarakat	

PANDUAN TAMBAHAN

LIBAT URUS BERSAMA MASYARAKAT

Beberapa contoh libat urus bersama masyarakat dalam industri Batik termasuk:

1. Bengkel dan Latihan: Melibatkan masyarakat dalam bengkel pembuatan batik untuk mengajar kemahiran tradisional dan menggalakkan kreativiti.
2. Aktiviti dan Acara Berkumpulan: Menganjurkan sesi melukis batik, acara kebudayaan, dan acara pembinaan pasukan yang menyatukan usahawan artisan dan masyarakat.
3. Pameran dan Pasaran: Mempamerkan seni dan produk batik di pameran dan galeri untuk mempromosikan hasil kerja usahawan artisan dan menjalin hubungan dengan pembeli.
4. Kerjasama dengan Sekolah: Bekerjasama dengan institusi pendidikan untuk memperkenalkan seni batik kepada pelajar, agar dapat memupuk penghayatan budaya dan bakat baharu.
5. Sokongan Perusahaan Sosial: Menganjurkan program yang memperkasakan usahawan artisan dengan kemahiran perniagaan, gaji yang sesuai, dan akses pasaran sambil mengekalkan warisan budaya.
6. Pelancongan Budaya: Menjemput pelawat ke perkampungan Batik atau pusat seni untuk pengalaman praktikal, meningkatkan ekonomi tempatan dan menonjolkan budaya.

Untuk menyokong penglibatan dengan masyarakat, kebiasaannya jam atau jumlah wang turut disumbangkan kepada masyarakat. Jumlah monetari merujuk kepada perbelanjaan sebenar dan sumbangan yang diberi dalam tempoh pelaporan, dan bukan hanya komitmen semata-mata. Ini termasuk:

- Sumbangan kepada program libat urus bersama masyarakat
- Dana untuk menyokong infrastruktur masyarakat, seperti kemudahan rekreasi
- Kos langsung program sosial, termasuk acara seni dan pendidikan



TONGGAK: TADBIR URUS DAN PEMATUHAN

TADBIR URUS : TADBIR URUS DAN PEMATUHAN



TONGGAK : TADBIR URUS

TOPIK SB-G1 :
**TADBIR URUS DAN
PEMATUHAN**

TOPIK SB-G2 :
PENCEGAHAN RASUAH

GAMBARAN KESELURUHAN

Amalan tadbir urus dan pematuhan yang baik dalam syarikat akan menggalakkan akauntabiliti, pertumbuhan dan kemakmuran perniagaan. Seajar dengan hal ini, keputusan mengenai jenis, dasar dan proses perniagaan bergantung pada matlamat, saiz, modal, risiko dan rancangan masa hadapan perniagaan syarikat.

Dalam industri Batik, operasi boleh terdiri daripada pemilikan tunggal, perkongsian hingga kepada perusahaan batik yang lebih besar atau telah lama bertapak. Dasar, proses dan komitmen syarikat menjadi asas kepada garis panduan, peraturan dan prosedur yang mengawal tingkah laku dan pembuatan keputusan. Ia untuk memastikan syarikat beroperasi dalam cara yang beretika dan bertanggung jawab serta mematuhi undang-undang dan peraturan.

Komitmen dasar yang jelas memberi manfaat kepada industri Batik kerana ia mengukuhkan kepercayaan dan kredibiliti dengan pelanggan, dan pada masa yang sama mengekalkan warisan budaya melalui amalan perniagaan yang bertanggung jawab. Ia membuka laluan kepada pasaran yang lebih luas dan berpotensi menarik sokongan dari pelbagai pihak yang berminat.

Penzahiran dalam Topik ini membekali maklumat mengenai tadbir urus dan pematuhan serta cara ia diuruskan dalam sesebuah syarikat. Syarikat boleh mempertimbangkan panduan kawal selia seperti yang dinyatakan menurut undang-undang atau peraturan.

TADBIR URUS : TADBIR URUS DAN PEMATUHAN

PENZAHIRAN

ASAS	PERTENGAHAN	LANJUTAN
☐ SB-G1.1a : Melaporkan jenis perniagaan (cth. pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat sendirian berhad, syarikat awam berhad, etc.)	☐ SB-G1.1b : Melaporkan tahun terakhir laporan kewangan beraudit dikemukakan, jika ada	
	☐ SB-G1.2a : Menyenaraikan prinsip yang menjadi komitmen perniagaan, termasuk: • Etika • Keselamatan	☐ SB-G1.2b : Menyenaraikan dasar syarikat, termasuk: • Kod Tatalaku • Dasar Kesihatan dan Keselamatan • Dasar Pencegahan Rasuah

PANDUAN TAMBAHAN

JENIS PERNIAGAAN

Jenis-jenis perniagaan di Malaysia adalah:

- Pemilikan tunggal di mana seorang individu memiliki dan menjalankan perniagaannya sendiri. Ia merupakan cara yang mudah untuk memulakan dan mengawal perniagaan, namun pemiliknya bertanggungjawab sendirian ke atas sebarang hutang.
- Perkongsian merujuk kepada struktur perniagaan di mana dua atau lebih individu berkongsi pemilikan, tanggung jawab dan keuntungan. Perkongsian membolehkan rakan-rakan kongsi bekerja sebagai satu pasukan dan berkongsi liabiliti.
- Syarikat sendirian berhad (Sdn Bhd) membolehkan perniagaan didaftar sebagai satu entiti sah yang berasingan dari pemiliknya, menghadkan liabiliti individu, dan meningkatkan modal. Syarikat sendirian berhad juga tertakluk kepada lebih banyak syarat dan peraturan kawal selia.
- Syarikat awam berhad (Bhd) membolehkan perniagaan menawarkan saham di samping syarat dan manfaat lain, dan dikehendaki mematuhi syarat penyenaaraian yang berkaitan, standard tadbir urus dan keperluan kawal selia.

TADBIR URUS : TADBIR URUS DAN PEMATUHAN

PRINSIP PERNIAGAAN

Prinsip yang diamalkan oleh sebuah perniagaan menjadi asas kepada keutamaan syarikat dan keutamaan pembuatan keputusannya. Komitmen terhadap prinsip akan mendorong ke aras proses pembuatan keputusan yang beretika dan bertanggung jawab. Ia adalah langkah pertama ke arah pembentukan dasar-dasar utama yang akan membolehkan syarikat ditadbir dan diurus menurut hala tuju yang diinginkan.

Komitmen terhadap amalan beretika akan memastikan syarikat diurus dengan bertanggungjawab dan mematuhi undang-undang secara konsisten dengan prinsip yang dipegang teguh di seluruh organisasi. Mematuhi undang-undang dan peraturan adalah amalan standard bagi sebuah perniagaan yang beretika. Ia termasuk pemantauan yang telus dan berterusan.

Dalam industri Batik, memastikan suasana kerja yang selamat dan sihat adalah satu komitmen yang penting. Syarikat boleh mewujudkan suasana kerja yang selamat dengan mematuhi standard kesihatan, menyediakan latihan yang bersesuaian mengenai kesihatan dan keselamatan, menangani bahaya berpotensi dan mewujudkan budaya yang mementingkan kesejahteraan. Komitmen ini bukan sahaja melindungi kakitangan malahan turut menyumbang kepada produktivi yang lebih tinggi dan moral yang lebih baik.

DASAR

Ketika melaporkan penzahiran, syarikat hendaklah mengemukakan satu senarai dasar yang sedia ada. Antara dasar-dasar asas termasuk Kod Tatalaku, Dasar Kesihatan dan Keselamatan dan Dasar Pencegahan Rasuah. Di samping itu syarikat juga boleh mewujudkan dasar untuk mengawal perniagaan, antaranya seperti Dasar Pengurusan Kakitangan, Dasar Pengurusan Risiko, Dasar Kemampanan, dll. Sebaiknya dasar-dasar tersebut didukung oleh komunikasi dan penguatkuasaan dalam organisasi.



TONGGAK : TADBIR URUS

GAMBARAN KESELURUHAN

Rasuah merujuk kepada tindakan tidak jujur atau tidak adil yang dilakukan oleh seorang yang berkuasa, seperti rasuah dan penipuan, yang boleh menjejaskan perniagaan. Rasuah berlaku apabila seseorang menyalahgunakan kedudukan, kuasa, atau pengaruhnya untuk tindakan yang tidak beretika. Kebiasaannya, ia menjejaskan cara bahan diperolehi, cara produk dijual dan cara peluang perniagaan diurus.

Menerapkan amalan antirasuah dalam perniagaan bermakna anda menjalankan perniagaan dengan jujur, telus dan adil, tanpa memberi atau menerima rasuah, bayaran rahsia atau layanan istimewa. Budaya anti-rasuah dalam organisasi penting kerana ia dapat membina kepercayaan pelanggan, pembekal dan komuniti, melindungi reputasi perniagaan, membolehkan persaingan yang adil dalam industri anda dan melindungi perniagaan anda daripada risiko undang-undang dan kewangan.

Bagi industri Batik Malaysia, pencegahan rasuah penting untuk melindungi usahawan artisan, memastikan dagangan yang adil, memelihara warisan budaya dan memupuk pembangunan ekonomi yang mampan.

Penzahiran dalam Topik ini meliputi maklumat mengenai amalan pencegahan rasuah dalam syarikat dan bagaimana ia diuruskan. Syarikat boleh mempertimbangkan panduan kawal selia seperti yang termaktub dalam undang-undang atau peraturan.

TOPIK SB-G1 :
**TADBIR URUS DAN
PEMATUHAN**

TOPIK SB-G2 :
PENCEGAHAN RASUAH

TADBIR URUS: PENCEGAHAN RASUAH

PENZAHIRAN

ASAS	PERTENGAHAN	LANJUTAN
	☐ SB-G2.1a : Melaporkan bilangan keseluruhan insiden rasuah yang disahkan, jika ada	☐ SB-G2.1b : Melaporkan bilangan keseluruhan kakitangan yang telah menerima latihan mengenai pencegahan sogokan dan rasuah

PANDUAN TAMBAHAN

BILANGAN INSIDEN

Jumlah insiden yang disahkan haruslah mencakupi insiden di mana kakitangan dibuang kerja atau dikenakan tindakan disiplin kerana rasuah. Syarikat boleh mempertimbangkan untuk melaporkan jumlah insiden yang disahkan apabila kontrak dengan rakan kongsi perniagaan ditamatkan atau tidak diperbaharui kerana kesalahan berkaitan rasuah. Kes undang-undang awam berkaitan rasuah boleh merangkumi siasatan awam yang semasa, pendakwaan, ataupun kes yang telah ditutup.

LATIHAN PENCEGAHAN RASUAH

Komunikasi dan penguatkuasaan dasar dan prosedur pencegahan rasuah serta pencegahan sogokan oleh syarikat perlulah konsisten, menyeluruh dan nyata. Penzahiran ini bertujuan untuk merakamkan darjah takat dan capaian latihan mengenai pencegahan rasuah dan sogokan dalam kalangan semua kakitangan syarikat.



LAMPIRAN 1: RUJUKAN BERKAITAN

(Setakat November 2025)

ALAM SEKITAR : EMISI

GLOBAL	
STANDARD GRI	- GRI 305-1 – Emisi GHG (Skop 1) secara langsung (hingga akhir 2026) - GRI 305-2 – Emisi Tenaga GHG (Skop 2) tidak langsung (hingga akhir 2026) - GRI 102-5 – Emisi GHG Skop 1 (dari awal 2027) - GRI 102-6 – Emisi GHG Skop 2 (dari awal 2027)
FTSE RUSSELL ESG RATINGS METHODOLOGY DOCUMENT 2022	ECC14 – Memerlukan penzahiran mengenai jumlah keseluruhan emisi GHG Skop 1 dan 2 melalui operasi selama 3 tahun
ISSB STANDARDS	- IFRS S2: 29(a)(i)(1) – Emisi gas rumah hijau Skop 1 - IFRS S2: 29(a)(i)(2) – Emisi gas rumah hijau Skop 2
LAIN-LAIN	Greenhouse Gas (GHG) Protocol
MALAYSIA	
RANGKA KERJA PELAPORAN KEMAMPAHAN KEBANGSAAN	Rangka kerja ini menggunakan standard ISSB sebagai rujukan
PANDUAN PENZAHIRAN ESG RINGKAS (SEDG) UNTUK PKS DALAM RANTAIAN BEKALAN	- SEDG-E1.1 : Melaporkan jumlah keseluruhan emisi GHG Skop 1 (langsung) dalam tan metrik yang setara dengan CO₂ - SEDG-E1.2 : Melaporkan jumlah keseluruhan emisi GHG Skop 2 (tidak langsung) dalam tan metrik yang setara dengan CO₂ - SEDG-E1.3 : Melaporkan jumlah keseluruhan emisi GHG Skop 1 yang berkurangan hasil dari inisiatif pengurangan, dalam tan metrik yang setara dengan CO₂ - SEDG-E1.4 : Melaporkan jumlah keseluruhan emisi GHG Skop 2 yang berkurangan hasil dari inisiatif pengurangan, dalam tan metrik yang setara dengan CO₂
LAIN-LAIN	- Malaysian Standard MS 692-1:2025 Batik - Bahagian 1: Batik Malaysia - Spesifikasi - Standard Kraftangan Malaysia 1:2022-Penilaian bagi Pengelasan Industri Kraf Tangan Malaysia - Proses Industrial dan Alam Sekitar (Buku Panduan No.4) - Industri Tekstil dan Pakaian – Jabatan Alam Sekitar

GLOBAL	
STANDARD GRI	- GRI 302-1 – Penggunaan tenaga dalam organisasi (hingga akhir tahun 2026) - GRI 302-4 – Pengurangan dalam penggunaan tenaga (hingga akhir tahun 2026) - GRI 103-2 – Penggunaan tenaga dan penajaan-sendiri dalam organisasi (bermula dari awal tahun 2027) - GRI 103-5 – Pengurangan penggunaan tenaga (bermula dari awal tahun 2027)
FTSE RUSSELL ESG RATINGS METHODOLOGY DOCUMENT 2022	ECC15 – Memerlukan data keseluruhan penggunaan tenaga bagi tempoh 3 tahun (boleh diselaraskan sekarang jika data lampau tersedia, atau boleh diselaraskan dalam tempoh 3 tahun)
ISSB STANDARDS	IFRS S2 (IBG): 130a.1
MALAYSIA	
SYARAT PENYENARAIAAN PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA	- Perenggan 29 dalam Bahagian A, - Perenggan 14 dalam Bahagian C, - Perenggan 15 dalam Bahagian E lampiran 9C yang dibaca bersama dengan Nota Amalan 9A
RANGKA KERJA PELAPORAN KEMAMPAHAN KEBANGSAAN	Rangka kerja ini menggunakan standard ISSB sebagai rujukan
PANDUAN PENZAHIRAN ESG RINGKAS (SEDG) UNTUK PKS DALAM RANTAIAN BEKALAN	- SEDG-E2.1 : Melaporkan penggunaan berikut dalam joule atau watt jam: (Sumber bahan api boleh baharu dan sumber bahan api tidak boleh baharu – Elektrik, Pemanasan (jika berkenaan), Pendinginan (jika berkenaan), Stim (jika berkenaan) - SEDG-E2.2 : Melaporkan pengurangan dalam penggunaan berikut (dicapai sebagai hasil langsung daripada inisiatif pemuliharaan dan kecekapan) dalam joule atau watt jam: Sumber bahan api tidak boleh baharu – Elektrik, Pemanasan (jika berkenaan), Pendinginan (jika berkenaan), Stim (jika berkenaan)
LAIN-LAIN	- Malaysian Standard MS 692-1:2025 Batik - Bahagian 1: Batik Malaysia - Spesifikasi - Standard Kraftangan Malaysia 1:2022-Penilaian bagi Pengelasan Industri Kraf Tangan Malaysia - Proses Perindustrian dan Alam Sekitar (Buku panduan No.4) - Industri Tekstil dan Pakaian – Jabatan Alam Sekitar

ALAM SEKITAR : AIR

GLOBAL	
GRI STANDARDS	GRI 303-3 – Pengeluaran air
FTSE RUSSELL ESG RATINGS METHODOLOGY DOCUMENT 2022	- EWT32 – Data mengenai jumlah pengeluaran air selama 3 tahun yang diperlukan (boleh diselaraskan sekarang jika data lampau tersedia atau boleh diselaraskan dalam masa 3 tahun) - EWT13 – Dasar atau komitmen terhadap pengurangan penggunaan air yang: - Menangani isu tersebut - Mengandungi komitmen untuk mengurangkan penggunaan air atau meningkatkan kecekapan penggunaan air
ISSB STANDARDS	IFRS S2 (IBG): 140a.1
MALAYSIA	
SYARAT PENYENARAIAAN PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA	- Perenggan 29 dalam Bahagian A, - Perenggan 14 dalam Bahagian C, - Perenggan 15 dalam Bahagian E Lampiran 9C yang dibaca bersama dengan Nota Amalan 9A
RANGKA KERJA PELAPORAN KEMAMPAHAN KEBANGSAAN	Rangka kerja ini menggunakan standard ISSB sebagai rujukan
PANDUAN PENZAHIRAN ESG RINGKAS (SEDG) UNTUK PKS DALAM RANTAIAN BEKALAN	- SEDG-E3.1 : Melaporkan jumlah air yang diambil dari semua kawasan berserta huraian terperinci mengikut jenis dalam liter: - Air yang dibeli, Air dari permukaan (jika berkenaan), Air bawah tanah (jika berkenaan), Air laut (jika berkenaan), Air yang dihasilkan (jika berkenaan) - SEDG-E3.2 : Melaporkan pengurangan dalam jumlah air yang diambil dari semua kawasan berserta huraian terperinci mengikut jenis dalam liter: - Air yang dibeli, Air dari permukaan (jika berkenaan), Air bawah tanah (jika berkenaan), Air laut (jika berkenaan), Air yang dihasilkan (jika berkenaan)
LAIN-LAIN	- Malaysian Standard MS 692-1:2025 Batik - Bahagian 1: Batik Malaysia - Spesifikasi - Standard Kraftangan Malaysia 1:2022-Penilaian bagi Pengelasan Industri Kraf Tangan Malaysia - Proses Perindustrian dan Alam Sekitar (Buku panduan No.4) - Industri Tekstil dan Pakaian – Jabatan Alam Sekitar

ALAM SEKITAR : SISA BUANGAN

GLOBAL	
GRI STANDARDS	- GRI 306-3 – Sisa buangan terhasil - GRI 306-4 – Sisa buangan yang tidak dilupuskan - GRI 306-5 – Sisa buangan yang dilupuskan
FTSE RUSSELL ESG RATINGS METHODOLOGY DOCUMENT 2022	- EPR24 – Data penghasilan sisa berbahaya dalam tempoh 3 tahun yang diperlukan - EPR25 – Data jumlah sisa bukan kitar semula yang terhasil dalam tempoh 3 tahun yang diperlukan - EPR26 – Data jumlah sisa yang dikitar semula dalam tempoh 3 tahun yang diperlukan (boleh diselaraskan sekarang jika data lampau tersedia, atau boleh diselaraskan dalam masa 3 tahun)
ISSB STANDARDS	IFRS S2 (IBG): 150a.1 dan 150a.2
MALAYSIA	
RANGKA KERJA PELAPORAN KEMAMPAHAN KEBANGSAAN	Rangka kerja ini menggunakan standard ISSB sebagai rujukan
PANDUAN PENZAHIRAN ESG RINGKAS (SEDG) UNTUK PKS DALAM RANTAIAN BEKALAN	- SEDG-E4.1 : Melaporkan jumlah sisa buangan dalam tan metrik (Dihasilkan, Tidak dilupuskan, Dilupuskan) - SEDG E4.2: Melaporkan jumlah sisa buangan yang terhasil, yang tidak dilupuskan dan yang dilupuskan, setiap satu diuraikan dalam tan metrik (Sisa berbahaya dan tidak berbahaya, Aliran sisa mengikut sektor, Komposisi bahan)
LAIN-LAIN	- Malaysian Standard MS 692-1:2025 Batik - Bahagian 1: Batik Malaysia - Spesifikasi - Standard Kraftangan Malaysia 1:2022-Penilaian bagi Pengelasan Industri Kraf Tangan Malaysia - Proses Perindustrian dan Alam Sekitar (Buku panduan No.4) - Industri Tekstil dan Pakaian – Jabatan Alam Sekitar

ALAM SEKITAR : BAHAN-BAHAN

GLOBAL	
GRI STANDARDS	GRI 301-1 - Bahan yang digunakan mengikut berat atau isi padu
FTSE RUSSELL ESG RATINGS METHODOLOGY DOCUMENT 2022	EPR11 – Data jumlah tan metrik bahan yang diuraikan mengikut jenis bagi tempoh 3 tahun
ISSB STANDARDS	IFRS S2 (IBG): 440a.4 dan 440b.1
MALAYSIA	
RANGKA KERJA PELAPORAN KEMAMPAHAN KEBANGSAAN	Rangka kerja ini menggunakan standard ISSB sebagai rujukan
PANDUAN PENZAHIRAN ESG RINGKAS (SEDG) UNTUK PKS DALAM RANTAIAN BEKALAN	SEDG-E5.1 : Menyenaraikan bahan dan jumlah berat yang digunakan untuk menghasilkan dan membungkus produk dan perkhidmatan utama syarikat, dalam tan metrik
LAIN-LAIN	- Malaysian Standard MS 692-1:2025 Batik - Bahagian 1: Batik Malaysia - Spesifikasi - Standard Kraftangan Malaysia 1:2022-Penilaian bagi Pengelasan Industri Kraf Tangan Malaysia - Proses Perindustrian dan Alam Sekitar (Buku panduan No.4) - Industri Tekstil dan Pakaian – Jabatan Alam Sekitar

SOSIAL : AMALAN TENAGA BURUH

GLOBAL	
GRI STANDARDS	• GRI 408-1 – Operasi dan pembekal yang berisiko tinggi terlibat dalam amalan buruh kanak-kanak • GRI 409-1 – Operasi dan pembekal yang berisiko tinggi terlibat dalam amalan buruh paksa atau wajib • GRI 404-1 – Purata jumlah jam latihan setiap pekerja per tahun
FTSE RUSSELL ESG RATINGS METHODOLOGY DOCUMENT 2022	• SLS21 - Dalam perkara yang berkaitan dengan ketidakpatuhan piawaian buruh, syarikat hendaklah: a. Melaporkan bilangan insiden ketidakpatuhan • SLS01 - Dalam perkara yang berkaitan dengan pencegahan buruh kanak-kanak, syarikat hendaklah: a. Menangani isu tersebut /menyatakan ia mematuhi undang-undang tempatan dalam penzahiran umum b. Menerbitkan Dasar/Prinsip/Kod • SLS14 - Syarikat telah mengambil tindakan untuk menangani isu buruh termasuk: a. Pencegahan buruh kanak-kanak b. Pencegahan buruh paksa c. Mengurangkan waktu kerja berlebihan • SLS29 – Latihan pembangunan peribadi kakitangan untuk meningkatkan keupayaan kemahiran individu: a. Dasar yang menyatakan komitmen untuk menyediakan latihan pembangunan peribadi kepada kakitangan b. Huraian lengkap mengenai latihan pembangunan peribadi yang disediakan • SLS26 – Jumlah masa yang dihabiskan untuk latihan pembangunan kakitangan untuk meningkatkan pengetahuan atau kemahiran individu a. Jumlah keseluruhan jam bagi syarikat, atau b. Purata jam per kakitangan
ISSB STANDARDS	IFRS S1: Appendix B: B3

MALAYSIA	
SYARAT PENYENARAIAAN PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA	• Perenggan 29 dalam Bahagian A, • Perenggan 14 dalam Bahagian C, • Perenggan 15 dalam Bahagian E Lampiran 9C yang dibaca bersama dengan Nota Amalan 9A
RANGKA KERJA PELAPORAN KEMAMPAHAN KEBANGSAAN	Rangka kerja ini menggunakan standard ISSB sebagai rujukan
PANDUAN PENZAHIRAN ESG RINGKAS (SEDG) UNTUK PKS DALAM RANTAIAN BEKALAN	• SEDG-S1.1 : Melaporkan bilangan dan sifat insiden buruh kanak-kanak dan buruh paksa, jika ada • SEDG-S2.1 : Melaporkan purata jam latihan per kakitangan • SEDG-S2.2 : Melaporkan jumlah bilangan kakitangan dan kadar pusing ganti pekerja • SEDG-S2.3 : Melaporkan purata pekerja yang memenuhi atau melebihi undang-undang gaji minimum, jika ada

SOSIAL : KESIHATAN DAN KESELAMATAN

GLOBAL	
GRI STANDARDS	- GRI 403-9 – Kecelakaan berkaitan kerja - GRI 403-10 – Kerosotan kesihatan berkaitan kerja
FTSE RUSSELL ESG RATINGS METHODOLOGY DOCUMENT 2022	- SHS13 – Bilangan pekerja yang dilatih dalam bab piawaian kesihatan dan keselamatan sepanjang tahun lepas - SHS37 – Jika terjadi kemalangan atau insiden yang menyebabkan kecederaan atau kematian, syarikat melaporkan: - Siasatan dan dapatan bagi insiden yang dilaporkan atau tiada insiden kesihatan dan keselamatan yang menyebabkan kecederaan atau kematian - Tindakan terhadap insiden yang dilaporkan atau tiada insiden Kesihatan dan keselamatan yang menyebabkan kecederaan atau kematian
ISSB STANDARDS	- IFRS S2 (IBG): 540a.4 - IFRS S2: Appendix A - Risiko fizikal berkaitan iklim
MALAYSIA	
SYARAT PENYENARAIAAN PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA	- Perenggan 29 dalam Bahagian A, - Perenggan 14 dalam Bahagian C, - Perenggan 15 dalam Bahagian E Lampiran 9C yang dibaca bersama dengan Nota Amalan 9A
RANGKA KERJA PELAPORAN KEMAMPAHAN KEBANGSAAN	Rangka kerja ini menggunakan standard ISSB sebagai rujukan
PANDUAN PENZAHIRAN ESG RINGKAS (SEDG) UNTUK PKS DALAM RANTAIAN BEKALAN	- SEDG-S4.1 : Melaporkan bilangan kematian dan kecederaan dalam syarikat, jika ada - SEDG-S4.2 : Melaporkan jumlah keseluruhan dan peratusan pekerja yang dilatih dalam hal piawaian kesihatan dan keselamatan

SOSIAL : MASYARAKAT

GLOBAL	
GRI STANDARDS	GRI 413-1 – Operasi yang membabitkan libat urus masyarakat tempatan, penaksiran impak, dan program pembangunan
FTSE RUSSELL ESG RATINGS METHODOLOGY DOCUMENT 2022	SHR17 – Jumlah keseluruhan derma/pelaburan untuk masyarakat daripada syarikat korporat atau kumpulan yang disalurkan kepada organisasi bukan berasaskan keuntungan berdaftar
ISSB STANDARDS	IFRS S1 : 33(c) – Strategi dan pembuatan keputusan
MALAYSIA	
SYARAT PENYENARAIAAN PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA	- Perenggan 29 dalam Bahagian A, - Perenggan 14 dalam Bahagian C, - Perenggan 15 dalam Bahagian E Lampiran 9C yang dibaca bersama dengan Nota Amalan 9A
RANGKA KERJA PELAPORAN KEMAMPAHAN KEBANGSAAN	Rangka kerja ini menggunakan standard ISSB sebagai rujukan
PANDUAN PENZAHIRAN ESG RINGKAS (SEDG) UNTUK PKS DALAM RANTAIAN BEKALAN	SEDG-S5.1 : Melaporkan jumlah keseluruhan pelaburan dan sumbangan kepada masyarakat

TADBIR URUS : TADBIR URUS DAN PEMATUHAN

GLOBAL	
GRI STANDARDS	• 2-9 – Struktur dan komposisi tadbir urus • 2-23 – Komitmen Dasar • 2-24 – Penerapan komitmen dasar
FTSE RUSSELL ESG RATINGS METHODOLOGY DOCUMENT 2022	• GCG03 - Bilangan Ahli Lembaga Pengarah • GRM12 Syarikat: a. Menyemak pematuhan dengan Kod Tatalaku/Kod Etika dan mengenal pasti sebarang ketidakpatuhan - Menyemak secara berkala keberkesanan Kod Tatalaku/Kod Etika Syarikat
ISSB STANDARDS	• IFRS S1: 26 and 27 – Tadbir urus • IFRS S2: 5, 6 and 7 – Tadbir urus
MALAYSIA	
SYARAT PENYENARAIAAN PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA, PASARAN ACE	Bab 15 Syarat Penyenggaraan Pasaran Utama dan Pasaran ACE: • Bahagian B – Pengarah • Bahagian B(A) – Jawatankuasa Penamaan • Bahagian C – Jawatankuasa Audit • Bahagian E – Penzahiran Tadbir Urus • Bahagian H – Pencegahan Rasuan dan Pendedahan Maklumat
RANGKA KERJA PELAPORAN KEMAMPAHAN KEBANGSAAN	Rangka kerja ini menggunakan standard ISSB sebagai rujukan
KOD TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA	Prinsip A – Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah • 3.1 - Lembaga Pengarah menetapkan Kod Tatalaku dan Etika untuk syarikat, dan bersama-sama dengan pihak pengurusan melaksanakan dasar dan prosedurnya termasuk mengurus konflik kepentingan, mencegah penyalahgunaan kuasa, rasuah, perdagangan orang dalam dan pengubahan wang haram • 3.2 - Lembaga pengarah menubuhkan, menyemak dan bersama-sama pihak pengurusan melaksanakan dasar dan prosedur mengenai pendedahan maklumat
PANDUAN PENZAHIRAN ESG RINGKAS (SEDG) UNTUK PKS DALAM RANTAIAN BEKALAN	• SEDG-G3.1 : Melaporkan tahun terakhir laporan kewangan beraudit dikemukakan • SEDG-G2.1 : Menyemak dasar-dasar syarikat; yang meliputi tetapi tidak terhad kepada Kod Tatalaku, Dasar Pencegahan Rasuah, Dasar Pendedahan Maklumat, Dasar Kesihatan dan Keselamatan

TADBIR URUS: PENCEGAHAN RASUAH

GLOBAL	
GRI STANDARDS	• 205-1 - Operasi dinilai untuk risiko yang berkaitan dengan rasuah • 205-2 - Komunikasi dan latihan tentang dasar dan prosedur pencegahan rasuah • 205-3 - Insiden rasuah yang disahkan dan tindakan yang diambil
FTSE RUSSELL ESG RATINGS METHODOLOGY DOCUMENT 2022	• GAC08 – Latihan mengenai dasar pencegahan rasuah untuk kakitangan • GAC10 – Wujud prosedur untuk menangani rasuah dalam operasi yang ditaksirkan sebagai meliputi ‘berisiko tinggi’
LAIN-LAIN	• Diagnos Risiko Rasuah - Panduan Pelaksanaan Penilaian Risiko Rasuah yang Berkesan oleh Transparency International • Kit Alat Pencegahan Rasuah untuk PKS oleh G20
MALAYSIA	
SYARAT PENYENARAIAAN PASARAN UTAMA DAN PASARAN ACE BURSA MALAYSIA	Bab 15 Syarat Penyenggaraan Pasaran Utama dan Pasaran ACE: • Bahagian H – Pencegahan Rasuah dan Pendedahan Maklumat • Perenggan 29 dalam Bahagian A, • Perenggan 14 dalam Bahagian C, • Perenggan 15 dalam Bahagian E Lampiran 9C yang dibaca bersama dengan Nota Amalan 9A Syarat Penyenggaraan Pasaran Utama
KOD TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA	4.1.2 – Memastikan kakitangan benar-benar memahami dan menghargai nilai proses dan prosedur tadbir urus korporat yang baik melalui latihan, program kesedaran dan komunikasi yang mantap. Prinsip B – Audit dan Pengurusan Risiko yang Berkesan
PANDUAN PENZAHIRAN ESG RINGKAS (SEDG) UNTUK PKS DALAM RANTAIAN BEKALAN	• SEDG-G4.1 : Melaporkan bilangan keseluruhan dan sifat insiden rasuah yang disahkan, jika ada • SEDG-G4.2 : Melaporkan jumlah keseluruhan dan peratusan pekerja yang telah menerima latihan mengenai dasar syarikat terhadap pencegahan sogokan dan rasuah

LAMPIRAN 2: ASAS KESIMPULAN

Panduan Penzahiran Kemampanan Batik (SBDG) dihasilkan berdasarkan pelbagai sumber yang disusun dan diringkaskan untuk industri Batik Malaysia. Kajian terhadap piawaian dan rangka kerja semasa dan keperluan pasaran, lawatan tapak ke perusahaan artisan batik tempatan dan perbincangan kumpulan fokus dengan pakar-pakar dalam industri Batik Malaysia merupakan inisiatif tanda aras yang telah dilaksanakan untuk penghasilan SBDG ini.

Sumber maklumat yang dinyatakan di atas, dan rujukan terhadap piawaian dan rangka kerja semasa meliputi:

1. Rangka kerja, Panduan, Penanda aras dan Penilaian Kemampanan Global:

- Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS S1 & S2) oleh Lembaga Standard Kemampanan Antarabangsa (ISSB),
- Inisiatif Pelaporan Global (GRI),
- FTSE4Good (F4G), dan
- Protokol Gas Rumah Hijau (GHG)

2. Rangka kerja, Panduan, Penanda aras dan Penilaian Kemampanan Malaysia:

- Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia,
- Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG),
- Kod Pelabur Institusi Malaysia (MCII),
- Panduan Penzahiran ESG Ringkas untuk PKS dalam Rantaian Bekalan,
- Malaysian Standard MS 692-1:2025 Batik - Bahagian 1: Batik Malaysia - Spesifikasi,
- Standard Kraftangan Malaysia 1:2022-Penilaian bagi Pengelasan Industri Kraf Tangan Malaysia dan
- Panduan Amalan Industri Hijau bagi Industri Batik oleh Jabatan Alam Sekitar.

3. Perundingan bersama Pihak Berkepentingan

Perundingan dilaksanakan melalui libat urus dengan pihak berkepentingan bersasar untuk memastikan Panduan SBDG mencerminkan amalan terbaik dalam realiti sebenar dan pada masa yang sama ia praktikal untuk dilaksanakan, meliputi:

- Sesi Kumpulan Fokus Industri Batik Malaysia dengan wakil industri, dan
- Lawatan tapak ke syarikat Batik

LAMPIRAN 3 : GLOSARI

CH ₄	Metana
CNG	Gas Asli Mampat
CO ₂	Karbon Dioksida
CO _{2e}	Setaraan Karbon Dioksida
ECC	Tema Perubahan Iklim dalam FTSE4Good
EPR	Tema Pencemaran dan Sumber dalam FTSE4Good
ESG	Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus
EWT	Tema Keselamatan Air dalam FTSE4Good
F4G	FTSE4Good
GAC	Tema Pencegahan Rasuah dalam FTSE4Good
GCG	Tema Tadbir Urus Korporat dalam FTSE4Good
GHG	Gas Rumah Hijau
GRI	Inisiatif Pelaporan Global
GRM	Tema Pengurusan Risiko dalam FTSE4Good
HFC	Hidrofluorokarbon
IBG	Panduan Berasaskan Industri
IFRS	Yayasan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa
ILO	Organisasi Buruh Antarabangsa
ISSB	Lembaga Standard Kemampanan Antarabangsa
LNG	Gas Asli Cecair
LPG	Gas Petroleum Cecair
MCCG	Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia
MCII	Kod Pelabur Institusi Malaysia
N ₂ O	Nitrus Oksida
NF ₃	Nitrogen Trifluorida
NSRF	Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Kebangsaan
SBDG	Panduan Penzahiran Ringkas bagi Industri Batik
SEDG	Panduan Penzahiran ESG Ringkas untuk PKS dalam Rantaian Bekalan
SF ₆	Sulfur Heksafluorida
SHR	Tema Hak Asasi Manusia dan Masyarakat dalam FTSE4Good
SHS	Tema Kesihatan dan Keselamatan dalam FTSE4Good
SLS	Tema Standard Buruh dalam FTSE4Good
SME	Perniagaan Kecil dan Sederhana

